

12 SEP 2003

Bajet-Reaksi (Negeri) 8 (Akhir) Kota Kinabalu (sambungan berita awal)  
BELANJAAN 2004 RANGSANG AGENDA PEMBANGUNAN - 2

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob berkata, belanjawan kali ini merupakan hadiah dan sumbangan besar Perdana Menteri kepada rakyat Malaysia sebelum beliau bersara seperti yang diumumkan sebelum ini.

Menurutnya Kerajaan Negeri Pahang menyambut baik peruntukan bagi mempermodenkan sektor pertanian dengan menggunakan teknologi tinggi khususnya di beberapa kawasan tertentu yang dikenali sebagai taman pertanian kekal pemakanan.

Adnan juga berharap mereka yang telah diberi peluang di bawah dasar penswastaan supaya mengusahakan tanah yang telah diberikan dan tidak hanya bergantung kepada spekulasi dan subsidi semata-mata.

Sementara itu Pengerusi, Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Peneroka Negeri Pahang, Datuk Shahiruddin Ab. Moin menyambut baik cadangan penyenaraian Felda di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, Felda mempunyai ladang terbesar di seluruh Malaysia justeru, langkah itu bukan sahaja memberi manfaat kepada seluruh peneroka malah ia mampu meningkatkan infrastruktur dan pembangunan secara lebih menyeluruh.

Menurutnya, penyenarai itu membuka peluang kepada Bumiputera khususnya peneroka Felda untuk memegang ekuiti dalam syarikat yang disenaraikan sebagai ahli dan individu.

-- BERNAMA

TSS LIB PR